

Mahasiswa UMSKAL Didedahkan dengan Kewangan Islam

Terakhir dikemaskini: Rabu, 20 Mac 2019 15:53 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 230

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


RABU, 20 MAC - Program Minggu Kewangan Islam merupakan sebuah program yang berobjektifkan untuk memberi pendedahan kepada semua mahasiswa UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan warga Labuan mengenai kewangan Islam.

Pengarah Program, Mohd Nur Saifuddin Samudin berkata program itu juga dijalankan selama seminggu bagi memperkuatkan pengetahuan mengenai asas kewangan Islam dalam kalangan mahasiswa dan masyarakat Labuan.

“Sehubungan itu, program ini

memberi penerangan yang lebih jelas dan mendalam tentang produk-produk kewangan Islam yang terdapat di Malaysia.

“Jika dipandang melalui skop negara kita, Malaysia berpotensi menjadi peneraju dalam pasaran kewangan Islam berikutan perannya yang besar dalam menyumbang kepada kejayaan pembangunan ekonomi Islam secara global,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan alu-aluan sempena majlis perasmian Program Minggu Kewangan Islam yang disempurnakan oleh Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr. Lee Hock Ann, baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni FKAL, Dr. Suzillah Sidek, Ketua Program HE23, Najwa Mohd Khalil dan Penyelaras Program, Ahmad Aizuddin Hamzah.

Minggu Kewangan Islam adalah satu program kendalian Persatuan Mahasiswa Kewangan Islam yang bertitik tolak kesedaran daripada Majlis Tertinggi Jurusan Kewangan Islam yang melihat bagaimana program ini mampu memberi kesedaran yang sangat tinggi buat mahasiswa UMSKAL dan masyarakat Labuan.

Turut diadakan pameran institusi kewangan termasuk Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank.

Sumber: Azri Onn